

Chili Cube bawa Chiqubee muncul juara

MENANG. Kumpulan Chiqubee yang mencipta Chili Cube berjaya muncul memenangi pertandingan mencipta makanan sempena Hari Pengenalan Produk Baru anjuran Fakulti Bioteknologi Makanan, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Sains Islam Malaysia baru-baru ini.

Kumpulan yang diketuai Mohd. Fazrullah Innsan itu berjaya membawa pulang wang tunai sebanyak RM250 yang disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor, Prof. Datuk

Dr. Mohamed Asin Dollah.

Chili Cube dihasilkan dari cili kering yang diproses dan diekstrak menjadi bentuk kiub dan dikekalkan rasa dan warnanya serta menjadikan proses masakan menjadi cepat dan mudah.

Seramai 42 orang pelajar tahun tiga yang dibahagikan kepada 6 kumpulan terlibat dalam program ini di mana setiap pelajar mencipta produk makanan menggunakan kreativiti dan pengetahuan yang dipelajari.



MOHAMED ASIN menyampaikan hadiah kepada Mohd. Fazrullah dan kumpulannya yang memenangi pertandingan makanan di Universiti Sains Islam Malaysia baru-baru ini.